

## **UPACARA PERASMIAN LAMAN MISC**

PELABUHAN KLANG, SELANGOR, 29 November 1993

Saya mengucapkan terima kasih kepada Malaysian International Shipping Corporation Berhad (MISC), kerana menjemput saya pada hari ini untuk merasmikan pembukaan Laman MISC dan melancarkan MISC Trucking and Warehousing Services dan MISC Container Services.

2. Langkah MISC mempelbagaikan lagi kegiatannya kepada kegiatan pengangkutan trak dan pergudangan serta kegiatan membaiki dan membaikpulih kontena adalah satu usaha yang bijak. Walaupun kegiatan tersebut akan memakan masa panjang untuk memberi keuntungan ianya adalah penting kepada perusahaan perkapalan MISC dan rangkaian pengangkutan negara serta program perindustrian Malaysia.
3. Satu implikasi penting daripada kegiatan-kegiatan ini ialah industri-industri di Malaysia dapat mengurangkan pergantungan kepada syarikat-syarikat perkhidmatan pengangkutan asing.
4. Kegiatan pengangkutan mempunyai saingan yang hebat. Justeru itu MISC harus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan pengangkutannya. MISC harus peka kepada perkembangan-perkembangan baru yang berlaku di sektor pengangkutan di dalam dan luar negara supaya daya saingannya dapat terus dipertingkatkan untuk terus maju.
5. Salah satu faktor penting untuk mengekalkan kedudukan kita adalah memastikan perkhidmatan yang disediakan oleh kita sentiasa kompetitif dan mempunyai kelebihan untuk berkembang mengikut kesesuaian dan permintaan pasaran. Perkhidmatan pengangkutan sekarang tidak terkecuali daripada ancaman beberapa kesatuan ekonomi di negara-negara Barat yang telah menunjukkan sikap perlindungan dan 'inward looking'. Sekatan-sekatan perdagangan yang diadakan untuk memanfaatkan sesuatu kumpulan dan menghalang persaingan adalah satu pendekatan yang tidak sihat. Mereka yang sering mengungkit soal 'level playing field' membisu apabila mereka memiliki 'advantage' seperti saiz dan modal. Yang ditumpukan hanyalah kepada apa juga 'advantage' yang sedikit yang ada kepada kita. 'Fairness' serta keadilan tidak boleh diharap kan oleh kita. Justeru itu kita perlu bekerja lebih kuat dan meningkatkan kecekapan kita, di samping mempertahankan apa juga 'comparative advantage' yang ada pada kita.
6. Berdasarkan pencapaian ekonomi negara-negara di Asia Tenggara pada tahun-tahun kebelakangan ini, adalah jelas bahawa rantau ini sedang melangkah untuk menjadi satu rantau ekonomi yang disegani dunia tidak lama lagi. Sementara perdagangan di rantau ini begitu meningkat, keadaan ekonomi di

negara-negara Barat masih berada di tahap yang sama, malah ada antara mereka yang kini sedang menghadapi berbagai-bagai masalah termasuk kemelesetan.

7. Memandangkan dagangan antara negara-negara di rantau ini semakin meningkat, maka permintaan untuk perkhidmatan pengangkutan dijangka turut bertambah. Saya berharap MISC akan terus meningkatkan program pembaharuan dan pembesaran angkatan kapalnya untuk memenuhi permintaan perkhidmatan pengangkutan yang kian meningkat itu. Ini akan membolehkan negara lebih dikenali daripada segi penyediaan perkhidmatan kapal laut bagi keperluan di rantau ini. Ia juga akan mengurangkan pengaliran wang ke luar negara yang disebabkan pengangkutan 'sea freight' diusahakan oleh syarikat-syarikat asing.

8. Dalam tempoh dua abad yang lalu, industri perkapalan telah mengalami perubahan yang ketara daripada segi teknologi dan organisasi. Perubahan-perubahan ini bukan sahaja telah memberi kesan kepada industri perkapalan tetapi juga mempengaruhi sektor pengangkutan yang lain serta pusat-pusat pemunggaan seperti pelabuhan dan pusat pengedaran.

9. Salah satu perkembangan yang ketara adalah pengangkutan 'multi-modal' berkontena yang bertujuan membolehkan pergerakan barangan di bawah penyelenggaraan dan tanggungjawab satu pengendali sepanjang perjalanan dari pembekal kepada pelanggan. Para pengguna tidak perlu lagi menghubungi beberapa syarikat dalam rangkaian perkhidmatan pengangkutan untuk memastikan angkutan barangan mereka dari satu tempat ke tempat yang lain. Sebaliknya, mereka hanya perlu menghubungi sebuah syarikat sahaja yang akan mengendalikan kesemua keperluan pengangkutan barangan mereka.

10. Ini akan mempertingkatkan lagi 'efficiency' perkhidmatan pengangkutan secara menyeluruh. Kita dapati sekarang perkembangan industri untuk eksport di Malaysia kian pesat. Eksport barangan perindustrian Malaysia melebihi eksport barangan lain dengan mencatat 71 peratus daripada nilai eksport negara. Justeru itu adalah penting untuk memastikan bahawa ruang muatan perkhidmatan pengangkutan juga berkembang selari dengan perkembangan sektor eksport barangan perindustrian dan import 'capital goods' untuk industri Malaysia.

11. Ini bererti ruang muatan perkapalan harus ditambah. Lebih penting daripada itu ialah kecekapan pengurusan kapal dan pelabuhan. Kapal yang tidak bergerak kerana menunggu untuk dimuat atau dipunggah di pelabuhan merugikan semua pihak, termasuk negara. Ini adalah kerana kegiatan melabuh dan punggah-memunggah akan dipindahkan ke pelabuhan negara asing. Dengan itu bukan sahaja kita akan hilang pendapatan daripada

punca ini tetapi juga pertumbuhan pelabuhan kita akan turut tersekat.

12. Dalam hal ini, Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan utama Malaysia boleh memainkan peranan yang lebih penting dalam memastikan ianya menjadi sebuah pusat pemunggahan yang utama di rantau ini. Apatah lagi Pelabuhan Klang sudah diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas cukai. Pemeriksaan kastam bagi barangan yang diimport untuk dieksport semula tidak lagi akan mengganggu dan melewatkan urusan dagangan. Demikian juga industri yang ditempatkan di Pelabuhan Klang untuk pasaran luar negeri boleh terus mengeksport barangan mereka tanpa pemeriksaan kastam.

13. Dengan penswastan Klang Container Terminal Bhd dan Klang Port Management Sdn. Bhd. adalah dijangka bahawa kecekapan pelabuhan ini akan meningkat lagi. Kemudahan tambahan yang sedang dibina di Pulau Indah bererti pertambahan ruang muatan Pelabuhan Klang.

14. Perkhidmatan sampingan ke Pelabuhan Klang harus ditambah supaya pelabuhan tersebut dapat memainkan peranannya sebagai sebuah pusat pemunggahan dan pengedaran atau 'distribution centre' di rantau ini. Adalah diharapkan pihak MISC sebagai syarikat perkapalan nasional akan terus menolong menjayakan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan 'entrepot'.

15. Langkah MISC untuk mengambil ekuiti sebanyak 25 peratus dalam Klang Port Management Sdn. Bhd. adalah satu langkah yang menentukan kepentingan MISC berkait langsung dengan kejayaan Pelabuhan Klang.

16. Seperti yang saya nyatakan tadi, kita harus sedar bahawa kegiatan perkapalan dan pelabuhan sentiasa menghadapi persaingan yang hebat, terutamanya di rantau ini, di mana terdapat beberapa pelabuhan yang terkenal yang menjalankan kegiatan 'entrepot'. Sudah pasti pelabuhan-pelabuhan ini akan cuba dengan sedaya upaya untuk mengekalkan kedudukan mereka.

17. Sama ada kita berjaya menyaingi mereka atau tidak bergantung kepada dedikasi dan kecekapan kita. Alatan yang terkini boleh diadakan tetapi dengan sendirinya alatan tidak akan menolong peningkatan prestasi pelabuhan ini. Yang tidak kurang penting, bahkan yang amat berkesan sekali ialah kecekapan pengendalian segala alat dan kemudahan punggah-memunggah dan 'turn around time' yang terpendek yang mungkin. Pengurusan Pelabuhan Klang tidak boleh lupa akan hakikat ini.

18. Kegiatan-kegiatan lain yang ditempatkan di Laman MISC ini seperti pengangkutan trak, pergudangan serta membaiki dan membaikpulih kontena, kesemuanya adalah penting dalam usaha

Malaysia untuk membina satu rangkaian pengangkutan yang cekap dan menjadi sebuah negara maritim yang sebenar bagi menyokong program pembangunan negara melalui perindustrian. Kegiatan-kegiatan ini juga akan membantu membentuk satu sistem pengangkutan 'multi-modal' di Malaysia.

19. Memang benar pada mulanya banyak kerumitan akan ditemui. Ini adalah perkara biasa. Juga menjadi perkara biasa ialah peningkatan kecekapan melalui pengalaman. Lebih banyak pengalaman lebih cekaplah kerja dan pengurusan. Jika kerja diambil berat dan dipelajari betul-betul, insya-Allah kecekapan akan diperolehi dengan lebih cepat lagi. Hakikat ini perlu diingati oleh semua pihak yang terlibat dengan MISC dan Pelabuhan Klang.

20. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada MISC sempena ulangtahunnya yang ke-25 dan saya berharap 25 tahun yang akan datang akan terus membawa kejayaan.

21. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Laman MISC ini dan melancarkan MISC Trucking and Warehousing Services serta MISC Container Services.